



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### *Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP)  |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 16 Jun 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**



# Pembukaan ROVR rancakkan aktiviti ekonomi tempatan

Oleh JOHN TAMBANAN

**KOTA BELUD:** Pembukaan Perkhidmatan Pengisian Bahan Api Mudah Alih PETRONAS (ROVR) di Kuala Abai, Kota Belud, merupakan satu langkah tepat ke arah merancakkan aktiviti ekonomi tempatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkhidmatan itu yang akan dikendalikan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Kota Belud, akan memberi manfaat kepada sektor ekonomi setempat.

"Antara sektor ekonomi setempat yang bakal menerima manfaat daripada kemudahan ROVR di sini adalah perikanan dan pertanian di kampung sekitar seperti Kg Kuala Abai, Kg Buah Pandai, Kg Tanjung Batu



**KEINGANAN ...** Armizan (tengah) bersama wakil PETRONAS Dagangan Berhad dan sebahagian penduduk setempat ber gambar kenangan selepas melawat tapak ROVR di Kuala Abai, Kota Belud, pada Sabtu.

dan Kg Kulambai.

"Dengan kehadiran ROVR yang membekalkan bahan api terus ke kawasan nelayan, mereka tidak lagi perlu melakukan perjalanan jauh ke stesen minyak, sekali gus mengurangkan kos operasi harian," katanya.

"Selain itu, kehadiran

ROVR turut menyokong kelangsungan ekonomi komuniti nelayan yang menetap dengan memastikan bekalan bahan api sentiasa mencukupi dan mudah diperoleh, terutamanya pada musim tengkujuh atau ketika permintaan tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian

ISNIN, 16 JUN 2025

tikan akses kepada bekalan bahan api yang menyeluruh kepada seluruh rakyat Malaysia, termasuk komuniti luar bandar dan pedalaman.

Katanya, ROVR, inisiatif oleh PETRONAS Dagangan Berhad sejak tahun 2018, merupakan langkah strategik yang amat bertepatan dalam memperkuat jaringan bekalan bahan api kepada rakyat di seluruh negara.

Menurutnya, buat masa ini, ROVR beroperasi di Sabah dan Sarawak. Sebanyak 6 di Sarawak dan 1 di Sabah, iaitu di Beaufort. Pembukaan ROVR di Kuala Abai ini menjadikan jumlah keseluruhan 8 ROVR bagi kawasan luar bandar.

Katanya, perkhidmatan ROVR bukan sekadar satu penyelesaian logistik, malah satu keperluan kepada penduduk di kawasan luar bandar atau pedalaman untuk mendapatkan bekalan petrol RON95.

"Melalui kewujudan ROVR ini, penduduk dapat menikmati kemudahan pengisian bahan api yang lebih dekat, mudah dan selamat.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada PETRONAS Dagangan Berhad atas kerjasama strategik yang berterusan bersama KPDN dalam memperluaskan liputan ROVR ke kawasan yang memerlukan," katanya.

Armizan berkata, sehingga kini, ROVR telah mengagihkan lebih 250 juta liter bahan api sejak ia dilancarkan, dan keberkesanannya telah terbukti dalam menyokong mobiliti harian serta semasa situasi kecemasan negara seperti pandemik COVID-19 dan banca banjir.

"Nelayan merupakan komuniti terbesar yang menggunakan ROVR di Sabah dan Sarawak," katanya.

Katanya, KPDN akan terus memastikan bekalan petrol RON95 pada harga runcit terkawal sampai ke tangan rakyat, tanpa mengira lokasi geografi.

"Usaha ini bukan sahaja menjamin keadilan tenaga, tetapi juga mengurangkan beban kos sara hidup penduduk luar bandar serta menyokong pertumbuhan sosioekonomi setempat," katanya.

UP SIKIT  
MISS!  
Oleh  
Maisarah  
Sheikh Rahim

**A**HMAD, seorang warga tempatan membeli minyak masak paket bersubsidi di pasar raya. Soharto, seorang warga Indonesia yang berada di negara ini juga turut membelinya dengan harga RM2.50 per kilogram (kg). Jika mengikut harga pasaran, harga minyak masak tanpa subsidi bagi botol 1kg adalah sekitar RM6.90. Ini bermakna Soharto mendapat 'duit rakyat' melalui subsidi kerajaan itu bernilai RM4.40. Ini baru dikira seorang warga asing yang membeli 1kg minyak masak, bagaimana kalau 1,000 orang warga asing membelinya?

Setakat ini, tiada undang-undang atau larangan rasmi yang menghalang warga asing daripada membeli minyak masak bersubsidi.

Ketika ini lebih 3 juta warga asing berada di negara ini. Itu belum termasuk pendatang asing tanpa izin (PATI). Bayangan berapa nilai duit rakyat ini dirampas mereka? "Bukan hanya minyak masak, mereka juga menikmati pelbagai lagi subsidi pukal lain yang disediakan kerajaan.

Penjualan minyak masak dengan harga 'murah' ini turut mendekah kepada kegiatan penyelewengannya apabila pihak tidak bertanggungjawab membeli minyak masak peket bersubsidi untuk dibuat biodiesel kerana harga bahan bersubsidi itu lebih murah daripada minyak masak kitar semula.

Soal ketirisan ini bukan lagi membebati penyeludupan ke negara jiran. Ada juga kes di mana penyelewengan pemberongan dapat minyak masak peket, menjual pula kepada syarikat-syarikat mikro dengan harga yang tinggi.

Maka sasaran subsidi ini tidak berlaku. Sedangkan kerajaan memperuntukkan lebih RM1.5 billion hanya bagi subsidi minyak masak paket sejak 2023.

Kerajaan mula memperkenalkan subsidi sekj merdeka dan secara aktif dilaksanakan pada era 1970-an sebagai satu alat intervensi kerajaan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, menyokong industri strategik serta menjamin kestabilan politik dan sosial.

Lebih lima dekad rakyat menikmati subsidi yang

## Adakah penyasaran minyak masak bersubsidi gagal?



SETAKAT ini, tiada undang-undang atau larangan rasmi yang menghalang warga asing daripada membeli minyak masak bersubsidi.

diperuntukkan kerajaan yang pada asasnya untuk merangsang beban kos sara hidup rakyat, menstabilkan harga pasaran serta mengurangkan jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin.

Namun, pemberian subsidi secara pukal ini telah menyimpang dari tujuan asal untuk membantu golongan sasar kerana ia turut dinikmati oleh golongan kaya termasuk warga asing yang berada di negara ini selain industri berskala besar.

Lebih menggecewakan lagi, usaha untuk menjayakan penyasaran subsidi mula dimanipulasi sehingga inisiatif yang bertanggungjawab ini, dilihat seolah-olah negatif kepada masyarakat. Ini berlaku berikutan tindakan pihak tertentu termasuk segerintir pemimpin politik yang cuba meracuni pemikiran rakyat konomnya penyasaran subsidi adalah langkah menarik atau memotong subsidi daripada rakyat. Hakikatnya, penyasaran atau rasionalisasi atau memotong subsidi adalah berbeza sama sekali.

Pasca 2010 menyaksikan, kerajaan sudah mula menstruktur semula subsidi dengan memperkenalkan pendekatan subsidi bersasas disebabkan ketirisan yang terus berlaku di pelbagai peringkat, sehingga kerajaan pula terpaksa menangung beban fiskal yang tinggi. Justeru, langkah rasionalisasi subsidi yang diperkenal

dan diteruskan hingga kini dijayaikan demi keperluan kecekapan ekonomi.

Kerajaan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim kini mempergiatkan, memperluas dan menyusun semula pelaksanaannya secara lebih menyeluruh dan sistematis. Ia mengambil kira perbelanjaan subsidi meningkat mendadak, melebihi RM80 billion pada 2022, terbesar dalam sejarah Malaysia.

Langkah konkret dimulakan dengan penyasaran semula subsidi elektrik, diesel dengan pengenalan kad *fleet* untuk syarikat logistik dan tunai RM200 untuk individu layak termasuk penyasaran subsidi haji.

Rangka kerja Pangkalan Data Utama (PADU) dibangunkan untuk menyokong subsidi bersasar dengan penekanan kepada keadilan sosial fiskal, iaitu hanya yang benar-benar layak akan dibantu.

Ternyata, penyasaran semula subsidi menampakkannya hasil apabila jumlah peruntukan subsidi dan bantuan kerajaan berkurangan iaitu RM71.873 billion pada 2023; RM67.360 billion (2024) dan RM52.571 billion (jangkaan pada tahun ini).

Ini membolehkan dana kewangan kerajaan itu dapat disalurkan untuk pembangunan projek bersifat rakyat yang lebih memberi manfaat secara menyeluruh.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Universiti Malaya (UM), Dr. Mohammad

Tawfiq Yaakub berpendangan, pelaksanaan subsidi bersasar ini adalah tepat dan berani serta memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk memberi keadilan ekonomi kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan dan kelompok yang perlu menunaikan tanggungjawab membantu kerajaan memakmurkan ekonomi negara.

Sekiranya tiada penyasaran subsidi, golong makahaya akan mengambil hak kumpulan rakyat bawah dan menyebabkan berlakunya ketidakadilan yang berterusan.

Dalam pelaksanaan tindakan tidak popular ini, timbul capak-capak orang bawaha ia boleh memberi kesan kepada peningkatan harga barang apabila ada pihak dalam kalangan peniaga cuba mengambil kesempatan.

Mengulas mengenai kebimbangan ini, Mohammad Tawfiq berkata, kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) semakin agresif menguatkuasakan peraturan bagi memastikan peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga.

"Kita dapat lihat serbuan serta tindakan kompaun yang berterusan dilakukan pengutuksa untuk memastikan tiada peniaga yang cuba mengambil kesempatan. Malah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga bergandingan bahu

memastikan bekalan sumber makanan sentiasa stabil di pasaran," katanya.

Pada masa sama, beliau bersetuju jika subsidi bersasar dilaksanakan menerusi penggunaan MyKad dan data sedar ada yang dimiliki oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dapat dimuatkan dalam MyKad bagi menarung kumpulan yang berhak menerima subsidi atau sebaliknya.

Hasrat kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi untuk petrol RON95 pula pada penggal kedua tahun ini harus diteruskan atas jaminan 85 peratus rakyat negara ini tidak akan terkesan. Melalui langkah ini, kerajaan dijangka mampu menjamin kewangan negara sekurang-kurangnya RM8 billion setahun.

Bagaimanapun, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, pembentian subsidi petrol secara bersasar tidak sepertutnya terhad kepada golongan B40, tetapi perlu diperluaskan kepada kumpulan M40 terutama mereka yang tinggal di bandar dan mempunyai tanggungan ramai.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amri Hamzah Azizan memaklumkan, kerajaan akan mengumumkan mekanisme lengkap bagi melaksanakan penyelaras subsidi petrol RON95 dengan menggunakan sistem MyKad dan dua kadar harga iaitu harga subsidi dan tanpa subsidi.

Jika kerajaan terus memberi subsidi secara pukal, kerajaan pada masa akan datang sukar untuk menambah peruntukan pembangunan, menaik taraf infrastruktur daif dan membeli kebajikan rakyat yang terkesan dengan pelbagai inisiatif yang mampu meringankan kehidupan mereka.

Negara perlu memfokuskan kepada pembangunan dan tidak boleh berterusan menampung subsidi yang besar kerana kita sedang berusaha menuju negara moden yang memerlukan tumpuan khas kepada pembangunan, industri dan modal insan berkualiti.

PENULIS ialah koresponden Utusan Malaysia Putrajaya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Polis buru dalang penipuan pakej haji

**Kuala Lumpur:** Polis sedang mengenal pasti dalang atau agensi tempatan yang bertanggungjawab dalam kes penipuan pakej haji membabitkan sekumpulan jemaah warga emas yang mendakwa dikuirkur dan diarahkan melalui laluan berbahaya di Arab Saudi untuk mengerjakan rukun Islam kelima itu.

Setakat ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan menerima tiga laporan berkaitan kes itu.

Pada masa sama, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) akan menyiasat tauliah agamawan yang didakwa terbabit dalam pakej itu.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Muhammed Hasbullah Ali, berkata tiga laporan polis itu dibuat oleh ahli keluarga jemaah yang berada di Malaysia.

Beliau berkata, tiga laporan itu dibuat masing-masing dua di Man-

tin, Negeri Sembilan dan satu di Ayer Hitam, Johor.

"Perkara itu sedang diteliti dengan serius oleh JSJK dan siasatan merangkumi pelbagai elemen. Buat masa ini masih terlalu awal untuk menyatakan wujud unsur penipuan rentas sempadan."

"Keterangan dan bukti sedang dikumpul berkenaan kemungkinan sindiket itu bekerjasama dengan ejen tertentu atau pun tidak."

"Pihak kami menunggu kepu langan semua mangsa untuk dirakam percakapan dan mengambil tindakan selanjutnya," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, BH melaporkan perjalanan 47 jemaah warga emas Malaysia untuk menunaikan haji bertukar mimpi negeri apabila ditipu ejen haji tempatan dipercayai membabitkan seorang agamawan terkenal.

Jemaah terpedaya dengan janji mSharifah Azzahra, anak kepada pasangan warga emas yang menj-

di mangsa penipuan ejen berkenaan, berkata ibu, bapa dan ibu saudaranya bertolak ke Arab Saudi untuk mengerjakan haji bersama ejen berkenaan pada 9 Mei lalu.

Katanya, warga emas yang menyertai rombongan dikendalikan ejen berkenaan terkejut apabila mendapat tahu mereka tidak dibenarkan ke kota Makkah kerana tiada visa haji sebaik tiba di Jeddah.

Muhammed Hasbullah berkata, susulan tiga laporan polis yang diterima itu, JSJK membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalan menipu bagi membolehkan pihak polis mengumpul keterangan dan menjalankan siasatan lanjut.

"Pada masa ini, siasatan masih di peringkat awal untuk mengenal pasti individu atau agensi tempatan yang bertindak sebagai ejen pemudah atau pengantara dalam aktiviti tawaran haji ini."

"JSJK akan bekerjasama de-

ngan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Tabung Haji (TH) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk menyenarai hitam syarikat yang menawarkan pakej tanpa kelulusan," katanya.

Langkah ini penting bagi melindungi orang ramai daripada menjadi mangsa penipuan.

Di Johor Bahru, Pengarah JAINJ, Mohd Nasri Md Ali, berkata pihaknya tidak pernah memberi pautualihan dan pengiktirafan kepada mana-mana individu untuk membuat apa-apa urusan berkaitan haji dengan pihak lain selain pihak Tabung Haji (TH).

Beliau berkata, sekiranya benar agamawan itu memperoleh pautualihan mengajar atau ceramah daripada pihaknya, ia untuk tujuan itu sahaja.

"Kita akan membuat semakan secara menyeluruh terhadap agamawan yang dipercayai terlibat dalam insiden ini," katanya ketika dihubungi.

**PENIPUAN PAKEJ HAJI**

# Polis sahkan terima 3 laporan mangsa

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima tiga laporan polis berkaitan penipuan pakej haji membabitkan sekumpulan warga emas yang didakwa dikurung dan dipaksa meredah laluan berbahaya di Arab Saudi.

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Muhammed Hasbullah Ali, berkata, tiga laporan polis itu dibuat oleh ahli keluarga jemaah yang berada di Malaysia.

Menurutnya, tiga laporan polis itu dibuat masing-masing dua di Martin, Negeri Sembilan dan satu di Ayer Hitam, Johor.

"Perkara itu sedang diteliti dengan serius oleh JSJK dan siasatan merangkumi pelbagai elemen. Buat masa ini masih ter-

lalu awal untuk menyatakan wujud unsur penipuan rentas sempadan.

"Keterangan dan bukti sedang dikumpul berkenaan kemungkinan sindiket terbabit bekerjasama dengan ejen tertentu atau pun tidak," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

Muhammed Hasbullah berkata, pihaknya masih menunggu keputusan semua mangsa untuk dirakam percakapan dan mengambil tindakan selanjutnya.

"Susulan daripada tiga laporan polis yang diterima itu, JSJK membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan menipu bagi membolehkan pihak polis mengumpul keterangan dan menjalani-

kan siasatan lanjut.

"Pada masa ini, siasatan masih di peringkat awal untuk mengenal pasti individu atau agensi tempatan yang bertindak sebagai ejen pemudah atau pengantara dalam aktiviti taruhan haji ini.

"JSJK akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Tabung Haji (TH) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk menyenarai hitam syarikat yang menawarkan pakej tanpa kelulusan," katanya.

Beliau berkata, langkah ini penting bagi melindungi orang ramai daripada menjadi mangsa penipuan.

Beliau turut menasihatkan masyarakat supaya sentiasa membuat sema-

kan dengan agensi berautoriti sebelum menerima sebarang tawaran berkaitan haji.

"JSJK amat menghargai kerjasama media dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat bahawa hanya individu yang memiliki visa haji dibenarkan oleh pihak berkuasa di Tanah Haram untuk menuaikan ibadah haji.


"Kami komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang memperdaya jemaah," katanya.

Kelmarin Harian Metro melaporkan perjalanan 47 jemaah warga emas Malaysia untuk menuaikan haji bertukar mimpi negeri apabila ditipu ejen haji tempatan dipercayai membabitkan seorang agamawan terkenal.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



# ‘BELUM MASANYA GST’

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) hanya sesuai jika ekonomi rakyat sudah stabil, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kekal kerana lebih bersasar, hanya kepada barang tertentu.

5

# Belum masanya laksana semula GST - PM

Pelaksanaan ketika ini tidak sesuai kerana ekonomi rakyat belum pulih

Oleh NORMAWATI ADNAN  
LUMUT

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa kerajaan masih belum bersedia untuk melaksanakan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ketika ini kerana ekonomi rakyat belum pulih sepenuhnya.

Menurut beliau, meskipun GST dilihat sebagai sistem percukaian yang lebih teratur dan menyeluruh, namun pelaksanaannya tidak sesuai pada masa ini merandangkan ia akan memberi beban kepada seluruh lapisan masyarakat termasuk golongan miskin dan pengangguran.

"Kalau esok ekonomi kita dah meningkat, gaji minimum semua RM4,000 ke atas, cukalah GST pun. Sekarang ini belum.

"Saya nak tanya, kalau enam peratus semua kena bayar, mengapa orang miskin kena bayar? Mengapa orang menganggur pergi makan pun kena bayar?" katanya ketika berucap dalam perasmian penutupan Program Madani Rakyat 2025 Perak di Lumut Waterfront pada Ahad.

Hadir sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Dalam ucapannya, Anwar turut menempelak segelintir pembangkang yang sering memainkan isu GST sebagai modal politik tanpa memahami kesan sebenar kepada rakyat.

"Kadangkala ahli Parlimen pem-



Anwar (tengah) mencuba mencanting batik ketika melawat reruai Negeri Perak selepas merasmikan Majlis Penutupan Program Madani Rakyat 2025 Negeri Perak di Lumut Waterfront pada Ahad.

bangkang ni kena bagi kursus sikit... dia nak sedap saja kata GST bagus. Kamu fahamkah apa GST? Perkhidmatan cukai menyeluruh, you tax everybody," katanya.

Jelas Anwar, kerajaan ketika ini memilih untuk meneruskan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang lebih bersasar kerana ia hanya mengenakan cukai kepada barang tertentu, khususnya barangan import mewah.

Beliau memberi contoh beberapa barang import seperti avokado, ikan kod dan buah-buahan yang dikena cukai kerana hanya dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi.

"Kita cukai avokado. Cod fish... mahal. Bukan macam ikan keli dengan ikan terubuk. Jadi kita cukai barang mahal itu. Orang kaya nak makan, silakan tetapi bayarlah lebih," katanya.

Beliau menjelaskan, cukai bukan untuk membebankan rakyat, sebaliknya sebagai sumber penting bagi membayai keperluan asas dan pembangunan negara seperti kemudahan

hospital dan infrastruktur jalan.

Dalam hal itu katanya, kerajaan sedang berusaha dan sedia menerima sebarang cadangan penambahbaikan bagi memastikan sistem cukai yang dilaksanakan tidak membebankan rakyat.

"Kalau tak cukai, nak ambil wang dari mana nak buat hospital di Manjung? Nak baiki jalan berlubang? Nak bina kapal, beli pesawat pertahanan negara? Semua itu guna duit cukai," katanya.

Dalam pada itu, Perak merupakan lokasi ketiga bagi penganjuran Program Madani Rakyat tahun ini selepas Tawau dan Johor dengan rekod kehadiran hampir 150,000 pengunjung.

Pelaksanaan program selama tiga hari bermula 13 Jun itu merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai kementerian peneraju dan Kerajaan Negeri Perak selaku tuan rumah dengan Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU) Pejabat Perdana Menteri.

# PM: GST only when economy, wages are better

**LUMUT:** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has reiterated that the government will not reintroduce the Goods and Services Tax (GST) for now, stressing that it would burden the poor and the low-income group.

He said GST was a broad-based tax that affected all levels of society.

"It taxes everything, even if the rate is low. Sugar, flour, food. Everyone has to pay. That's GST. If you ask me, yes, it's a simple system, just tax everything."

"But I ask you, should fishermen, smallholders, low-income workers and street cleaners also be taxed? That's why we're not ready for GST yet."

"If the economy improves and minimum wage rises to RM4,000 and above, then fine. Implement GST. But right now? No. The op-

position needs a crash course," he said at the closing of the Madani Rakyat programme here.

He said although some economists and opposition politicians argued that GST was a more efficient system, it should only be introduced when the economy was stronger and wages were higher.

"They think SST (Sales and Service Tax) is not as good, GST is better. Do you even understand GST? It touches everybody. If it's six per cent on everything, then everyone has to pay."

"Why should the poor pay? Why should the unemployed have to pay when they eat? Don't turn this into a political issue just because there's nothing else to attack."

He said this included the recent move to tax imported bananas, which drew public criticism.

"Imported bananas are not the

same as our *pisang emas*, *pisang awak* or *pisang berangan*. Those are not taxed."

Anwar said tax revenue was crucial to funding public services and infrastructure development.

"How do we build new hospitals in Manjung? How do we upgrade schools, roads and buy aircraft or ships for national defence?

"It all comes from taxes."

He criticised certain quarters for opposing targeted subsidies and utility tariff reforms under the pretext of defending the rakyat.

"Eighty-five per cent of electricity users are not affected by tariff increases. It's the wealthy who consume more who will pay more."

He said the taxation and subsidy system needed fine-tuning, but urged for constructive engagement instead of politicisation.

## We're not ready for GST, says Anwar

SST or GST? Ever a contentious subject, the Prime Minister has ended calls for the reintroduction of the consumption-based GST, saying that the Malaysian economy isn't ready for a system which even the poor and the jobless would be taxed for their food.

> See report on page 2 by MANJIT KAUR

# 'GST will hurt low-income M'sians'

PM: This system is sensible with a stronger economy, not for current climate

By MANJIT KAUR  
manjit@thestar.com.my

**LUMUT:** The government is not ready to implement the Goods and Services Tax (GST) that will unfairly burden low-income Malaysians, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

On the surface, he said, GST looks like a good system as it is simple, easier to manage with just a flat 6% that everyone will have to pay.

However, he said the implementation of GST will mean that the poor, the fishermen, small-holders, low-wage workers and street vendors are taxed on every-

day essentials.

"GST is a broad-based tax. Everyone pays even for sugar, flour and basic food items."

"Yes, it is systematic and easy to implement, but is it fair? The poor or the unemployed will need to pay taxes just to have food," he said in his speech at the closing of a Madani Rakyat programme yesterday.

Anwar said this in response to assertions by opposition politicians that GST will be a better system compared to the existing Sales and Services Tax (SST).

Anwar's comments come on the back of calls by some experts to revive the GST as opposed to

the government's plans to expand the coverage of the SST in July.

He explained that it will be feasible to implement GST if the country's economy grows stronger and if minimum wage is RM4,000 and above.

Anwar said SST targeted imported and luxury goods rather than daily necessities.

"When imported bananas were taxed, people made noise, but these are not the local bananas like pisang emas or pisang rastali which are not taxed," he said.

Citing examples, he said that imported bananas, avocados and codfish are taxed because these are mostly consumed by those

who are well-off.

Anwar said that taxes collected under SST helped fund critical public services and national defence.

"If we do not collect taxes, how do we repair hospitals, fix roads, build schools or buy new aircraft for our armed forces?" he asked.

He dismissed claims that the government is burdening the rakyat with power tariff hikes, pointing out that 85% of consumers do not have to face higher electricity charges.

"So those shouting about defending the Malays and Islam, who are you really defending? The rich?

"Because the village people did not see their bills go up, but the rich did," he added.

He said that no taxation system is perfect.

"I am not saying SST is flawless. If there are hiccups affecting businesses, we can sit down, discuss and improve on it."

"But people must understand why taxes are required," he added.

**WATCH THE  
VIDEO**  
[TheStarTV.com](http://TheStarTV.com)



## No GST for now: Anwar

LUMUT: The Government is not ready to reintroduce the Goods and Services Tax (GST) as it would affect all segments of society, particularly the poor, said Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said GST is a broad-based tax that would be applied uniformly to all consumers, regardless of income, including fishermen, smallholders, or street cleaners.

“GST taxes everybody. While it is efficient and straightforward, just six per cent across the board, I must ask, if everyone has to pay six per cent, why should the poor and the unemployed be taxed as well?” he said when closing the Perak Madani Rakyat Programme (PMR) 2025, here, Saturday.

Anwar said although the opposition has suggested GST as a better option, the Government has chosen to postpone its implementation to avoid burdening the people, who are still struggling with the rising cost of living.

“That’s why we say we’re not ready for GST. If, one day, the economy improves and the minimum wage reaches RM4,000 or more, then by all means, implement GST. But for now, I’m calling for it to be postponed, don’t turn it into a political issue,” he said.

Anwar said the Government is retaining the Sales and Services Tax (SST), which is more targeted in nature, particularly on imported luxury items such as avocados and cod, products typically consumed by high-income earners.



## GST belum sesuai dilaksana ketika ini, beri kesan kepada orang miskin

LUMUT: Kerajaan belum bersedia untuk melaksanakan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kerana ia akan memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat terutama golongan miskin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata GST merupakan cukai menyeluruh yang akan dikenakan secara sama rata kepada semua pengguna tanpa mengira pendapatan termasuk nelayan, pekebun kecil atau tukang cuci jalan.

"GST ini anda kenakan cukai pada semua orang... walaupun ia efisien, lebih mudah tak payah pening-pening kepala, senang saja enam peratus semua bayar. Tapi saya nak tanya, kalau enam peratus itu



ANWAR berucap pada Majlis Penutupan PMR 2025 Perak di Lumut Waterfront.

semua kena bayar, mengapa orang miskin, orang men-ganggur kena bayar?", kata beliau pada Majlis Penutupan Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Perak di sini.

Anwar berkata walaupun ada cadangan daripada pem-bangkang yang mengatakan

bahawa GST lebih baik, kerajaan ketika ini mengambil pendirian untuk menangguhkannya kerana tidak mahu membebarkan rakyat yang masih berhadapan dengan tekanan kos sara hidup.

"Sebab itu kita kata belum bersedia GST ini. Kalau esok

ekonomi kita dah meningkat, gaji minima semua RM4,000 ke atas, cukailah GST pun. Jadi saya minta tangguh ni (GST), (jangan) dibuat jadi bahan politik," katanya.

Sebaliknya, Anwar berkata kerajaan kini mengekalkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang lebih bersasar, terutama ke atas barang import mewah seperti buah avocado atau ikan kod yang lazimnya dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi.

"Pisang tempatan (Malaysia) tidak dikenakan cukai, tapi buah-buahan import yang mahal seperti avocado yang mahal seperti avocado yang lazimnya dinikmati oleh orang berpendapatan tinggi, mereka yang ingin menikmatinya perlulah membayar lebih sikit. Begi-

tu juga ikan kod yang juga diimport dan mahal, jadi kita cukailah," kata beliau.

Justeru, Perdana Menteri menegaskan bahawa hasil kutipan cukai daripada barang import dan mahal itu, akan dapat digunakan untuk membangunkan infrastruktur yang memberi manfaat kepada rakyat termasuk hospital, sekolah serta sistem pertahanan negara.

Bagaimanapun Anwar ber-kata hasil cukai yang dikutip kerajaan bukan sekadar untuk menampung perbelanjaan operasi negara, tetapi ia juga bagi membayai pelbagai inisiatif pembangunan dan kebajikan yang memberi faedah secara langsung kepada rakyat.

Beliau berkata walaupun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan SST, kerajaan sentiasa terbuka untuk melihat dan menambah baik sistem berkenaan secara menyeluruh demi kepentingan negara.

"... ada kelemahan dalam SST. Kita boleh bincang, kita tengok, kita perbaiki. Tetapi kena faham mengapa cukai dikenakan. Saya nak tanya (kenapa) hospital harus diperbaiki atau sekolah harus ditingkatkan keupayaannya?

"Sekarang ini ada kecerdasan buatan (AI), teknologi digital, nak baiki jalan atau tidak... jadi kalau semua nak, wang itu nak ambil daripada mana? Dari cukailah. Jadi sebab itu kita usaha bawa pelaburan dan dapat (peluang) pekerjaan," kata Perdana Menteri-Bernama.

## PM: Malaysia not ready for GST

Goods and Services Tax not suitable in current climate, would burden the poor, says Anwar

**LUMUT:** The government is not ready to reintroduce the Goods and Services Tax (GST) as it would affect all segments of society, particularly the poor, said Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said GST has been based on what would be applied uniformly to all consumers, regardless of income, including fishermen, smallholders or street cleaners. "GST is tax everywhere. While it is efficient and straightforward, just 6 per cent across the board, I must ask, if everyone has to pay 6 per cent, why should the poor and the unemployed be taxed as well?" he said, when closing the Perak Madani Rakyat Programme (PMR) 2025 here yesterday.

Anwar said that although the opposition has suggested GST as a better option, the government has chosen to postpone its implementation to avoid burdening the people who are still struggling with the rising cost of living.

"That's why we say we're not ready for GST. If, one day, the economy improves and the minimum wage reaches RM4,000 or more, then by all means, implement GST. But for now, I'm calling for it to be postponed, don't turn it into a political issue."

Anwar said the government is retaining the Sales and Services Tax (SST), which is more targeted in nature, particularly on imported luxury items such as avocados and cod products typically consumed by high-income earners.

"Local bananas are not taxed,

If, one day, the economy improves and the minimum wage reaches RM4,000 or more, then by all means, implement GST.

Datuk Seri Anwar Ibrahim

but expensive imported fruits like avocados, usually consumed by those in the high-income group, should come with a slighter higher price. The same goes for cod, which is also imported and costly, so we tax it," he said.

As such, he emphasised that the tax revenue collected from these imported and high-end goods could be used to develop infrastructure that benefits the people, such as hospitals, schools, and other social welfare systems.

However, Anwar said the tax revenue collected from the SST is not solely meant to cover the cost of operating governance, but also to fund various development and welfare initiatives that directly benefit the people.

According to the Prime Minister, although there are weaknesses in the SST system, the government remains open to reviewing and enhancing it comprehensively in the nation's best interest.

Meanwhile, in his speech at the Kenduri Rakyat programme held in conjunction with the Perak PMR, Anwar expressed



Anwar pens his signature on a batik piece during a stop at an exhibition booth at the PMR event. — Bernama photo

satisfaction with the progress of the littoral combat ship (LCS) constructed by Lumut Naval Shipyard (Lumus) at the Royal Malaysian Navy (RMN) base here, describing it as commendable.

He said the progress

demonstrated the government's strong commitment to fulfilling national security assets and reflected the Madani government's emphasis on good governance.

"We regard the RMN as a key

line of defence, as our waters are not safe to travel in such as terrorism, potential foreign invasions and smuggling. That is why I agreed for the LCS project to continue under the Finance Ministry.

> Turn to Page 2, Col 5



Anwar greets RMN personnel at the Lumut Naval Shipyard. — Bernama photo

**'Govt committed to enhancing country's defence needs'**

» From Page 1

"That's why good governance is essential," he said after visiting the Lumut facility to inspect the ongoing LCS construction.

Meanwhile, Anwar said the government remains attentive to the need to enhance the country's defence assets, with the Defence Minister being among the ministers receiving the largest allocations in the annual budget.

"Defence is there [in terms of allocation] after education and health. For 2025 alone, RM612 billion has been allocated—a significant amount for a developing nation," he said.

He added that the move

reflected the government's appreciation of the sacrifices made by the security forces and was aimed at ensuring national stability, which is crucial for economic development.

Anwar also said he is often moved when learning of the poor condition of certain security assets that are still in use to safeguard the nation.

"I swear, when upon the formation of the Madani Government, I called in all the armed forces chiefs and asked them to outline their priority needs."

"Based on that, we work to secure sufficient funding to improve our defence machinery and assets," he said. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 JUN 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Jun	KPDN rampas jersi tiruan ketika perlawanan Malaysia-Vietnam	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/733574/edisi/selangor-kl/kpdn-rampas-jersi-tiruan-ketika-perlawanan-malaysia-vietnam">https://www.sinarharian.com.my/article/733574/edisi/selangor-kl/kpdn-rampas-jersi-tiruan-ketika-perlawanan-malaysia-vietnam</a>	SINAR HARIAN
16-Jun	Dua lelaki ditahan seludup diesel, rampasan cecah RM268,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/dua-lelaki-ditahan-seludup-diesel,-rampasan-cecah-rm268,000">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/dua-lelaki-ditahan-seludup-diesel,-rampasan-cecah-rm268,000</a>	RTM
16-Jun	Pantau kenaikan harga serta telus jelaskan kutipan SST	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1407476/pantau-kenaikan-harga-serta-telus-jelaskan-kutipan-sst">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1407476/pantau-kenaikan-harga-serta-telus-jelaskan-kutipan-sst</a>	BERITA HARIAN
16-Jun	Citizens must not be burdened by enforcement of expanded SST	<a href="https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2025/06/13/citizens-must-not-be-burdened-by-enforcement-">https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2025/06/13/citizens-must-not-be-burdened-by-enforcement-</a>	THE STAR
16-Jun	Peluasan SST ke atas buah import langkah proaktif lindungi industri tempatan - pengusaha	<a href="https://thesun.my/berita/peluasan-sst-ke-atas-buah-import-langkah-proaktif-lindungi-industri-tempatan-pengusaha-IC14253913">https://thesun.my/berita/peluasan-sst-ke-atas-buah-import-langkah-proaktif-lindungi-industri-tempatan-pengusaha-IC14253913</a>	THE SUN
16-Jun	Belum masa laksana GST - PM	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/733888/berita/nasional/belum-masa-laksana-gst---pm">https://www.sinarharian.com.my/article/733888/berita/nasional/belum-masa-laksana-gst---pm</a>	SINAR HARIAN
16-Jun	Kerajaan belum bersedia laksana GST — PM Anwar	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-belum-bersedia-laksana-gst-pm-anwar/">https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-belum-bersedia-laksana-gst-pm-anwar/</a>	TV3
16-Jun	Bringing back GST would unfairly burden the poor, says Anwar	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/15/bringing-back-gst-would-unfairly-burden-the-poor-says-">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/15/bringing-back-gst-would-unfairly-burden-the-poor-says-</a>	THE STAR

16-Jun	Kerajaan belum bersedia laksana semula GST – PM	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/kerajaan-belum-bersedia-laksana-semula-gst-%E2%80%93-pm">https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/kerajaan-belum-bersedia-laksana-semula-gst-%E2%80%93-pm</a>	RTM
16-Jun	Pembangkang perlu fahami impak pelaksanaan GST – PM	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/06/15/pembangkang-perlu-fahami-impak-pelaksanaan-gst-pm/">https://www.kosmo.com.my/2025/06/15/pembangkang-perlu-fahami-impak-pelaksanaan-gst-pm/</a>	KOSMO
16-Jun	PM Anwar says SST stays, GST off table till economy and wages rise	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/06/15/pm-anwar-says-sst-stays-gst-off-table-till-economy-and-wages-rise/180476">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/06/15/pm-anwar-says-sst-stays-gst-off-table-till-economy-and-wages-rise/180476</a>	MALAYMAIL
16-Jun	GST only when wages reach RM4,000 and above, says Anwar	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1230889/gst-only-when-wages-reach-rm4000-and-above-says-anwar%C2%A0">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1230889/gst-only-when-wages-reach-rm4000-and-above-says-anwar%C2%A0</a>	NST
16-Jun	Kerajaan belum sedia laksana GST	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/kerajaan-belum-sedia-laksana-gst/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/kerajaan-belum-sedia-laksana-gst/</a>	UTUSAN
16-Jun	Laksana semula GST turut beri kesan kepada orang miskin - PM	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/06/1230324/laksana-semula-gst-turut-beri-kesan-kepada-orang-miskin-pm">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/06/1230324/laksana-semula-gst-turut-beri-kesan-kepada-orang-miskin-pm</a>	HARIAN METRO
16-Jun	PN gesa tangguh dulu subsidi bersasar, batal perluasan skop cukai perkhidmatan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pn-gesa-tangguh-dulu-subsidi-bersasar-batal-perluasan-skop-cukai-perkhidmatan-525150">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pn-gesa-tangguh-dulu-subsidi-bersasar-batal-perluasan-skop-cukai-perkhidmatan-525150</a>	ASTRO AWANI
16-Jun	A costly pill to swallow	<a href="https://www.thestar.com.my/news/focus/2025/06/15/a-costly-pill-to-swallow">https://www.thestar.com.my/news/focus/2025/06/15/a-costly-pill-to-swallow</a>	THE STAR
16-Jun	Polis sedang kenal pasti dalang penipuan pakej haji	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji-525191">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji-525191</a>	ASTRO AWANI

16-Jun	Polis sedang kenal pasti da-lang penipuan pakej haji	<a href="https://newswav.com/article/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji-A2506_J3VT4L">https://newswav.com/article/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji-A2506_J3VT4L</a>	NEWS WAV
16-Jun	POLIS SEDANG KENAL PASTI DALANG PENIPUAN PAKEJ HAJI	<a href="https://www.melakahariini.my/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji/">https://www.melakahariini.my/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji/</a>	MELAKA HARI INI
16-Jun	Polis sedang kenal pasti da-lang penipuan pakej haji	<a href="https://selangorkini.my/2025/06/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji/">https://selangorkini.my/2025/06/polis-sedang-kenal-pasti-dalang-penipuan-pakej-haji/</a>	SELANGOR KINI
16-Jun	Polis siasat kes penipuan pakej haji, jemaah dipaksa redah laluan bahaya	<a href="https://wartaoriental.com/2025/06/15/polis-siasat-kes-penipuan-pakej-haji-jemaah-dipaksa-redah-laluan-bahaya/">https://wartaoriental.com/2025/06/15/polis-siasat-kes-penipuan-pakej-haji-jemaah-dipaksa-redah-laluan-bahaya/</a>	WARTA ORIENTAL
16-Jun	ROVR permudah akses petrol di Kuala Abai	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/06/15/rovr-permudah-akses-">https://www.tvsarawak.my/2025/06/15/rovr-permudah-akses-</a>	TVS
16-Jun	Pembukaan ROVR di KUALA Abai Langkah Tepat Rancakkan Aktiviti Ekonomi Tempatan	<a href="https://sabahnews.com.my/pembukaan-rovr-di-kuala-abai-langkah-tepat-rancakkan-aktiviti-ekonomi-tempatan/">https://sabahnews.com.my/pembukaan-rovr-di-kuala-abai-langkah-tepat-rancakkan-aktiviti-ekonomi-tempatan/</a>	SABAH NEWS
16-Jun	Pembukaan ROVR rancakkan aktiviti ekonomi tempatan	<a href="https://www.asiatimes.com.my/2025/06/15/pembukaan-rovr-rancakkan-aktiviti-ekonomi-">https://www.asiatimes.com.my/2025/06/15/pembukaan-rovr-rancakkan-aktiviti-ekonomi-</a>	ASIATIMES